



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 13 MAC 2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
SH/SUKNS/ BIL.4/2025	Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Penggantian Alat Ganti Perkakasan ICT Bagi Tempoh 24 Bulan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	210101 & 210103	RM50.00

2. Dokumen sebut harga boleh diperoleh mulai **13 Mac 2025 hingga 21 Mac 2025** pada waktu pejabat di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti amaun di atas dan bayaran hendaklah dilaksanakan secara atas talian melalui pautan berikut <https://n9pay.ns.gov.my/>.
3. Syarikat dikehendaki membawa **Resit Pembayaran, Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** semasa mengambil dokumen sebut harga.
4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 24 Mac 2025**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen sebut harga boleh menghubungi di talian **06-7602045 / 06-7659995 / 06-7659917**.

5. Berikut adalah langkah-langkah pembayaran bagi mendapatkan dokumen sebut harga:

- Setiap syarikat/pembekal perlu mendaftar akaun N9PAY untuk pertama kali sahaja, jika belum pernah mendaftar
- Setelah mendaftar/log masuk, sila pilih agensi Bahagian Khidmat Pengurusan, SUKNS
- Seterusnya pilih nombor sebut harga berkenaan
- Selanjutnya lengkapkan maklumat-maklumat seperti berikut:

Jumlah : (Harga jualan dokumen sebut harga)
Nota Rujukan 1 : Nombor Telefon
Nota Rujukan 2 : Nama Syarikat

- Teruskan pembayaran secara perbankan atas talian dan sila cetak resit pembayaran
- **RESIT PEMBAYARAN PERLU DIKEMUKAKAN KETIKA MENGAMBIL DOKUMEN SEBUT HARGA**

SILA IMBAS UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT



PORTAL N9PAY
<https://n9pay.ns.gov.my/>



TATACARA MENGGUNAKAN N9PAY
<https://www.youtube.com/watch?v=fWI6IT18zIE>

NOTA : SILA SEMAK DENGAN BETUL PEMBAYARAN YANG DIBUAT. PIHAK SUKNS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KESILAPAN BAYARAN OLEH PEMBAYAR

